


UniMAP Terima Kunjungan Angkasawan Pertama Negara



Malaysia mencatatkan sejarah tersendiri dalam bidang sains dan teknologi pada tahun 2008 apabila berjaya merealisasikan misi menghantar seorang rakyatnya ke angkasa lepas melalui Program Angkasawan Negara. Dato' Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, seorang pakar bedah ortopedik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Angkasawan Agensi Angkasa Rusia (Roscosmos) sebagai angkasawan pertama Malaysia untuk misi ke angkasa lepas ini. Beliau yang berasal dari Seremban, Negeri Sembilan telah berlepas menggunakan kapal angkasa Soyuz TMA -11 dan berada selama 10 hari di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) bersama dua orang angkasawan lain dari Amerika Syarikat dan Rusia.

Kepulangan angkasawan pertama yang menjadi kebanggaan negara telah membawa seribu satu pengalaman berharga untuk dikongsi bersama dengan seluruh rakyat Malaysia. UniMAP turut tidak ketinggalan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan beliau. Sebagai merealisasikan hasrat tersebut, Program Motivasi Bersama Angkasawan Negara telah diadakan di Dewan 2020, Kangar, Perlis pada 15 Oktober 2008. Majlis ini telah dihadiri oleh seluruh warga UniMAP di samping para pelajar dari sekolah menengah terpilih sekitar negeri Perlis. Turut hadir ialah Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Pegawai-pegawai Utama Universiti.



Melalui majlis ini, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar telah menceritakan pengalaman suka duka beliau dari saat beliau terpilih menyertai Program Angkasawan Negara pada tahun 2006 sehingga beliau selamat sampai ke bumi daripada misi angkasa lepas berkenaan pada 21 Oktober 2007. Semasa sesi soal jawab pula, pelbagai soalan telah dikemukakan kepada beliau termasuk urusan mengerjakan solat, urus diri, pemakanan dan aspek penyelidikan yang beliau jalankan sepanjang sepuluh hari di ruang angkasa lepas dan setiap soalan mendapat jawapan yang bernas daripada beliau termasuk melalui tayangan video dan multimedia. Di akhir majlis, beliau berharap agar semua warga UniMAP terutama para pelajar mengambil iktibar dari kejayaan misi berkenaan dan harus berani serta yakin menahut peluang dan cabaran di dalam menerokai ilmu terutama ilmu sains angkasa.

Perkongsian pengalaman ini telah sedikit sebanyak memberi motivasi dan semangat kepada semua pihak untuk terus mendalami dunia sains dan teknologi di samping membuka minda bahawa ilmu itu sebenarnya terlalu luas untuk diterokai tetapi dengan azam dan tekad yang luhur, semangat juang yang kental dan keyakinan kepada keupayaan diri maka impian dan harapan semestinya akan menjadi kenyataan.



Oleh : Norsyahiza Hamzah (syahiza@unimap.edu.my)